

26/09/1998

Media asing putar belit fakta

KUALA LUMPUR, Jumaat - Media asing memutarbelitkan fakta mengenai kekacauan di ibu kota Ahad lalu untuk menunjukkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya mendapat sokongan besar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ia adalah satu taktik kuasa Barat yang tidak senang dengan kejayaan kerajaan mempertahankan negara dari serangan luar, khususnya dalam bidang ekonomi.

Beliau berkata, kuasa Barat menggunakan media elektronik untuk menunjukkan kononnya ada rusuhan di Malaysia yang memberi gambaran seolah-olah ada sokongan kuat terhadap Anwar.

"Ia bertujuan untuk menipu rakyat supaya mereka menyertai pihak Anwar dan berpecahlah rakyat negara ini, terutamanya ahli Umno," katanya berucap di sambutan Hari Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno, di sini hari ini.

Turut hadir Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik; Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Ketua Penerangan, Datuk Dr Yusof Nor.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya tidak ramai ahli Umno yang menyokong Anwar dan ada yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri pula mempercayai bahawa beliau dianiayai.

"Tetapi, kita dapati ramai orang termasuk kawan-kawan Anwar tidak mempercayainya lagi selepas mendengar penjelasan (mengenai pemecatan Anwar)," katanya.

Menurut Dr Mahathir, tujuan Anwar mempengaruhi rakyat supaya merusuh adalah jelas iaitu untuk mempertahankan dirinya supaya perbicaraan secara biasa melalui mahkamah tidak diadakan.

"Pendapatnya ialah jika Presiden Suharto boleh ditumbang dengan rusuhan setiap hari di Jakarta, maka di Malaysia juga boleh dibuat perkara yang serupa supaya akhirnya pemimpin yang dipilih secara demokrasi, terpaksa undur," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Anwar percaya dengan cara itu perbicaraan terhadapnya tidak akan dimulakan.

"Inilah tujuan rusuhan itu, untuk mengelakkan perbicaraan terhadap tuduhan pada dirinya kerana jika perbicaraan diadakan, segala keburukannya akan terdedah dan rakyat tidak akan percaya kepadanya lagi," katanya.

Perdana Menteri bimbang jika Anwar menjadi pemimpin, dia mudah diperalatkan kuasa asing yang akan menggunakan nafsunya dengan mendedahkannya kepada pelbagai tarikan yang menjadikannya mudah dikuasai mereka.

"Jika kita mempunyai pemimpin yang mudah dikuasai nafsunya seperti ini dan diperalatkan oleh orang asing, maka percayalah negara kita akan hilang kemerdekaan," katanya.

Dr Mahathir turut meminta ahli Umno berfikir secara mendalam mengenai masalah yang timbul berikutan pemecatan Anwar itu.

"Jika kita terbawa-bawa dengan apa yang tidak mempunyai asas yang baik, maka Umno mungkin gagal dan tidak akan dapat menyambung perjuangan yang bermula lebih 50 tahun lalu," katanya sambil menambah ada usaha di kalangan pihak tertentu memecah-belahkan Umno walaupun perbuatan seperti itu berlaku sebelum ini.

"Dulupun sudah ada usaha untuk memecah-belahkan parti kerana nak mendapatkan sesuatu bagi diri sendiri," kata Perdana Menteri. Beliau berkata, ahli Umno perlu menilai tindakan berkenaan, sama ada ia berasaskan kepada kejujuran atau sebaliknya.

(END)